

Jekma'

Teo Maw Lee dan Candido Jau Emang

Kayan adalah kumpulan etnik terbesar di dalam masyarakat Orang Ulu di Sarawak yang terdiri daripada Kenyah, Kelabit, Murut (Lun Bawang), Punan, dan Penan. Orang Ulu, secara literal diterjemahkan sebagai 'orang sungai atas', adalah salah satu masyarakat pribumi di Sarawak. Penduduk Kayan dianggap berjumlah kira-kira 26,000 orang dan kebanyakannya mendiami daerah tengah dan atas Baran dan Sungai Rajang. Secara tradisinya, kaum Kayan tinggal di rumah panjang, yang biasanya dibina di tepi sungai, kerana sungai merupakan pengangkutan utama mereka. Adalah dipercayai bahawa masyarakat asli Kayan di Sarawak berasal dari Sungai Apau Kayan di Kalimantan, Indonesia sebelum mereka menyeberang ke Sarawak. Ini adalah antara faktor kenapa masyarakat Kayan di kedua-dua tempat berkongsi tradisi budaya, bahasa, dan ungkapan yang serupa.


Kayan is the largest ethnic group in the Orang Ulu tribe of Sarawak, which also consists of other ethnic groups like Kenyah, Kelabit, Murut (Lun Bawang), Punan, and Penan. Orang Ulu, which literally means the 'up-river dwellers', is one of the indigenous communities in Sarawak. The Kayan population is estimated at 26,000, most of whom live in the central and upper districts of the Baran and the Rajang Rivers. Traditionally, the Kayan tribe lives in longhouses usually built at the river's side, as the river is their primary mode of transportation. It is believed that Kayan natives in Sarawak come from the Apau Kayan River in Kalimantan, Indonesia before they crossed the river and made their way to Sarawak, which is why the Kayan community in both places share the similar cultural tradition, language, and phrases.



Tradisi penceritaan lisan kaum Kayan di Sarawak iaitu *tehna'* adalah satu bentuk penceritaan lirik yang berasal dari satu generasi ke generasi yang lain. Kumpulan etnik minoriti kebasaannya menyampaikan adat dan kepercayaan mereka hanya melalui cerita lisan. Mengakibatkan kekurangan dokumentasi mengenai adat, kepercayaan dan tradisi lisan termasuk *tehna'*. Pada masa dahulu, *tehna'* dinyanyikan untuk mengingati kisah epik penghijrahan Kayan dan sejarah keperwiraan nenek moyang mereka. Kisah-kisah itu dirwayatkan dengan cara lirik dan beritama seperti lagu putih. Kaum Kayan biasanya menyanyi *tehna'* selepas sehabisan bekerja untuk menghiburkan penduduk kampung semasa mereka memulakan aktiviti riadah mereka. Lanya dipraktikkan sebagai satu bentuk hiburan dan dipercayai mempunyai hubungan dengan semangat dari dunia alam ghaib.



The traditional oral storytelling of the Kayan people in Sarawak, namely tehna', is a form of intergenerational storytelling. The minority ethnic groups usually convey their customs and beliefs through oral stories, therefore little documentation of their customs, beliefs, and oral traditions exists. Tehna' is one of the oral storytelling ways in the Kayan community. Historically, tehna' was performed to remember epic moments of the Kayan migration and the history of their ancestral warriors. The stories were narrated in a lyrical and rhythmic manner, much like a poetic song. Tehna' is usually sung after a day's work to entertain the villagers before they begin their leisure activities. It is practiced as a form of entertainment, but believed to form a relationship with the spirit of the unseen world.



Mereka juga percaya bahawa bakat yang dimiliki oleh tukang *teknai* adalah satu anugerah yang kadang-kadang muncul dan diterima melalui mimpi mereka. Berikutan kepercayaan mereka, orang yang menerima mimpi itu mesti berunding dengan dukun yang dirujuk sebagai 'dayung'. Hanya selepas menjalani proses ritual dengan 'dayung', seseorang itu akan diberi kebenaran untuk menyanyi *teknai*. Kadang-kadang individu tersebut juga perlu menggunakan nama baru selepas menjalani ritual 'dayung'.

They also believe that the tukang teknai or the storyteller's talent is a gift, which sometimes appears and is received through dreams. According to their beliefs, the person who receives the dream must consult with a shaman, known as the 'dayung'. The person will only be given permission to sing teknai after undergoing ritual process with the 'dayung'. Sometimes the person needs to use a new name after undergoing the ritual.

